

Skim Pembiayaan Bai Al-Innah

1. Pengenalan

Peraturan ini dikenali sebagai Peraturan Skim Pembiayaan Peribadi Bai Al-Innah. (SPPBAI-KOOP JPM) Di bawah prinsip Bai Al Inah, Koperasi akan menjual asset miliknya kepada anggota (pemohon) dengan harga tangguh dan kemudian membeli semula asset yang sama dengan harga tunai. Skim Pembiayaan Peribadi Bai Al-Innah ini adalah untuk anggota yang memerlukan wang tunai.

2.Tafsiran

Semua tafsiran yang berkaitan dengan peraturan adalah sama seperti yang dinyatakan di dalam peraturan-peraturan am skim pembiayaan / pinjaman

3.Perlaksanaan

3.1 Koperasi menjual asset (yang ditentukan) kepada anggota (pemohon) dengan harga tangguh.

3.2 Koperasi membeli semula asset tersebut dengan harga tunai.

4.Pemohonan

Anggota (pemohon) boleh membuat permohonan melalui borang rasmi yang boleh didapati dan pejabat KOOP JPM.

5.Had Maksima Pembiayaan

Had maksima pembiayaan adalah RM30,000.00 tertakluk kepada 8 kali gaji (mengikut mana yang kurang) dan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dari masa kesemasa oleh pihak berkuasa termasuk majikan, ANGKASA, KOOP JPM atau Kerajaan.

6.Tempoh bayaran balik

Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah dihadkan selama tidak melebihi 60 bulan (5 tahun)

7.Penjamin

Seorang penjamin bagi skim pembiayaan dibawah RM 5,000. ; dua orang penjamin bagi skim pembiayaan melebihi RM5,000.00 tetapi tidak melebihi RM 15,000.00 dan tiga orang penjamin bagi skim pembiayaan yang melebihi RM15,000.00.00